

**Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)**

Volume 3, Issue 2, April 2018

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:

www.msocalsciences.com**Pembelajaran Regulasi Kendiri di kalangan Pelajar dalam Mata Pelajaran Bahasa Arab Sekolah Menengah: Satu Analisis Perbandingan Mengikut Jenis Sekolah****Mohammad Haafiz Ahmid¹, Mohd Khairuddin Abdullah¹, Khalid Johari¹, Arbiah Maddahiri¹, Hairi Asul¹**¹Universiti Malaysia Sabah (UMS)Correspondence: Mohammad Haafiz Ahmid (isoginawo@gmail.com)**Abstrak**

Bahasa Arab merupakan mata pelajaran elektif yang diwajibkan ke atas pelajar beraliran agama. Salah satu cara untuk menguasai bahasa ini adalah dengan mengamalkan pembelajaran regulasi sendiri yang boleh mengelakkan sikap pasif di kalangan pelajar. Namun demikian, ia mungkin sukar diamalkan jika sekolah kurang kemudahan, kelengkapan dan persekitaran yang sesuai. Di Malaysia terdapat beberapa jenis sekolah yang mewajibkan Bahasa Arab. Dalam kajian ini, pembelajaran regulasi sendiri pelajar dibandingkan berdasarkan tiga jenis sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN). Pendekatan kuantitatif digunakan dengan menjadikan soal selidik *Motivated Strategies for Learning Questionnaire* (MSLQ) sebagai instrumen kajian. Data dikutip daripada 542 pelajar tingkatan 4 beraliran agama di tiga jenis sekolah tersebut dan proses menerusi analisis ANOVA sehala. Secara keseluruhan, tiada perbezaan signifikan pada pembelajaran regulasi sendiri pelajar dan salah satu dimensinya; pengaturan sendiri mengikut jenis sekolah tersebut namun, dimensi penggunaan strategi kognitif didapati berbeza secara signifikan. Oleh yang demikian, pihak berkepentingan perlu memberi perhatian dalam penyediaan kemudahan, kelengkapan dan persekitaran yang boleh merangsang pembelajaran regulasi sendiri di kalangan pelajar bagi meningkatkan prestasi Bahasa Arab.

Kata kunci: jenis sekolah, pembelajaran regulasi sendiri, pelajar beraliran agama, bahasa Arab**Self-Regulated Learning Among Religious-Oriented Secondary School Students in Arabic Language: A Comparison Study within School Type****Abstract**

Arabic language is an elective subject that is compulsory for religious-oriented students. One way to master the language by practicing self-regulated learning that can prevent passive behavior among students. However, it may be difficult to practice it if the school has less suitable facilities, equipment and environment. In Malaysia, there are several types of schools that require Arabic language. In this study, self-regulated learning will be compared based on three types of secondary schools namely National Secondary School (SMK), National Religious Secondary School (SMKA) and State Religious Secondary School (SMAN). The quantitative approach was used and the Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ) as an instrument of this study. The data were collected from 542 form four religious-oriented students in the three types of schools and processed through ANOVA analysis. Overall, there was no significant difference in students' self regulated learning and also one of it

dimensions; self-regulation according to the type of school, however, the cognitive strategies use dimension are significantly different. Therefore, stakeholders should pay attention to the provision of facilities, equipment and environment that can stimulate self-regulated learning among students to improve Arabic language performance.

Keywords: school type, self-regulated learning, religious-oriented student, Arabic language

Pengenalan

Selaras dengan aspirasi murid yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menjadikan pelajar dengan kemahiran berfikir dan kemahiran belajar yang tinggi. Antara aspek kemahiran berfikir dalam pembelajaran ialah keupayaan pelajar untuk mencari jalan dan memikirkan cara untuk mendapatkan suatu pengetahuan. Untuk merealisasikan aspirasi ini, pelajar perlu menjadi pelajar yang bijak merancang, melaksana, mengawal dan menilai semua aktiviti pembelajarannya. Melissa (2010), Pintrich (2004), Zimmerman dan Schunk (1989) serta Nejabati (2015) menyebut tentang proses pembelajaran yang dikawal selia oleh pelajar sendiri disertai pengurusan persekitaran belajar yang boleh memperkasa pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar. Pembelajaran regulasi sendiri merupakan pengupayaan kemahiran belajar pelajar melalui keazamannya sendiri untuk melaksanakan cara belajar yang berkesan. Dalam hal ini, sekolah merupakan tempat untuk pelajar memperolehi pengetahuan dan cara untuk memperkasa pengetahuan adalah cara belajar yang sesuai. Pembelajaran Bahasa Arab dalam kajian ini tertumpu pada tiga jenis sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) yang menempatkan pelajar beraliran agama.

Secara umum, perkembangan Bahasa Arab di Malaysia dari segi penguasaan dan pencapaian masih di tahap yang minima dan kurang memuaskan serta masih belum mencapai objektif pelaksanaannya (Abdul Hakim, Ab. Aziz, Wan Ismail & Hafisah, 2014; Zamri, Ezad Azraai, Khaulah, Muhamad Ridzuan & Zulazhan, 2014). Hal ini mungkin disebabkan faktor perbezaan jenis sekolah menengah yang berbeza dari beberapa aspek seperti budaya, sosial dan persekitaran. Persekitaran seperti pengamalan bahasa dalam kurikulum di samping prasarana serta kemudahan pembelajaran berpotensi menjadi penentu aras perbezaan dalam populasi kajian. SMK harian biasa mempunyai persekitaran yang berbeza dengan SMKA terutama dari segi sosial pergaulan, komunikasi rakan sebaya dan budaya walaupun cara berpakaian dan pembelajaran Bahasa Arab yang sama. Demikian juga SMAN yang dikelolakan oleh kerajaan negeri yang mempunyai lebih 10 mata pelajaran lain yang diajar dalam Bahasa Arab. Sekiranya terdapat perbezaan pada pembelajaran regulasi sendiri antara ketiga-tiga jenis sekolah ini, maka pihak berkepentingan perlu mengambil perhatian tentang situasi yang berlaku.

Penyataan Masalah

Ali (2012) pernah menjelaskan bahawa persekitaran, kelengkapan dan bahan bantu mengajar yang mencukupi serta persekitaran yang kondusif dan sesuai untuk pembelajaran Bahasa Arab agak kurang diperolehi di SMAN dan SMK. Pandangan ini turut seiring dengan kenyataan Ahmad Zabidi (2006) yang menjelaskan ciri-ciri sekolah berkesan bergantung pada iklim pembelajaran sekolah tersebut. SMAN merupakan sekolah yang ditadbir oleh kerajaan negeri di bawah Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri dengan nilai peruntukan yang kurang berbanding sekolah seliaan KPM. Rosni (2009) turut menyatakan isu yang sama yang dihadapi oleh sekolah agama negeri dari aspek pembelajaran Bahasa Arab di kalangan pelajarnya yang disifatkan pasif. Manakala di SMK pula, walaupun mendapat peruntukan dan kemudahan daripada KPM, namun dari aspek persekitaran yang tidak sama seperti SMKA mungkin boleh menjadi faktor yang membezakan pembelajaran regulasi sendiri di kalangan pelajar. Situasi yang pelajar beraliran agama hadapi di SMK adalah kekurangan persekitaran untuk berkomunikasi Bahasa Arab dan faktor persekitaran sosial dengan pelajar yang bukan aliran agama di samping pelajar yang bukan beragama Islam. Dalam pada itu, kajian luar negara oleh Tiwari, Tiwari dan Sharma (2014) pernah menyebut tentang perbezaan pembelajaran regulasi sendiri yang berlaku

antara dua jenis sekolah menengah dalam pembelajaran Bahasa Inggeris. Oleh itu, kajian ini cuba merungkaikan sekiranya terdapat perbezaan pembelajaran regulasi sendiri yang diamalkan oleh pelajar beraliran agama di tiga jenis sekolah dalam pembelajaran Bahasa Arab yang masih perlu diberikan perhatian selanjutnya.

Teori Kognitif Sosial

Teori yang boleh dikemukakan terhadap pembelajaran regulasi sendiri adalah Teori Kognitif Sosial yang dipelopori oleh Bandura (1986). Teori tersebut menjelaskan bahawa setiap individu berfungsi untuk melaksanakan sesuatu berdasarkan interaksi antara tiga faktor iaitu tingkah laku, persekitaran dan sendiri. Dalam konteks individu pelajar yang mengamalkan pembelajaran regulasi sendiri, proses pembelajaran pelajar disusun melalui aktiviti pengaturan sendiri, pengawasan sendiri dan penilaian sendiri. Proses tersebut akan membentuk jaringan yang menghasilkan strategi pembelajaran sistematik dan terkawal sekiranya pelajar mempunyai kemahiran dan kemampuan serta interaksi kukuh dengan persekitaran menerusi tingkah laku yang dipandu oleh matlamat yang ditetapkan oleh pelajar (Zimmerman, Bandura & Martinez-Pons, 1992). Tiga faktor yang disebutkan oleh Bandura (1986) iaitu tingkah laku, persekitaran dan sendiri mempunyai keharmonian hubungan antara ketiga-tiga yang membentuk pembelajaran aktif dan teratur.

Persekitaran memainkan peranan penting dalam tingkah laku individu selagi mana kemampuan untuk memanipulasi kehendak persekitaran diatur dengan strategik. Bagi seorang individu, pencapaian lepas dalam subjek tertentu akan merangsang sistem maklumat dalam dirinya (Khalid, Zurida, Shuki dan Ahmad Tajudin, 2009). Rangsangan maklumat tersebut meliputi rangsangan pada kognitif dan metakognitif, kawalan pembelajaran, efikasi sendiri dan pengurusan sumber selaras dengan tahap pencapaiannya. Perubahan tingkah laku turut berlaku mengikut kehendak persekitaran dan sumber sedia ada menerusi penilaian yang telah dibuat oleh individu.

Faktor sendiri banyak menyatakan tentang keupayaan diri pelajar seperti motivasi, efikasi diri, kemampuan kognitif dan metakognitif, penetapan matlamat dan sikap. Penjelasan oleh Pintrich (2004) menunjukkan bahawa faktor sendiri merangkumi aspek yang berkaitan dengan kepercayaan diri pelajar termasuklah efikasi, kemahiran mengurus masa, tahap kognitif dan metakognitif serta sikap mereka terhadap tugas dan ujian yang dihadapi. Aspek tersebut dipersetujui oleh Zimmerman dan Schunk (1989) dengan penambahan pengetahuan regulasi sendiri pada diri pelajar. Pembelajaran regulasi sendiri banyak bergantung pada keinginan dan kemampuan pelajar merefleksi kembali cara belajarnya berdasarkan pencapaian yang lepas. Menerusi proses refleksi ini, pelajar akan menetapkan semula matlamatnya bersesuaian dengan tahap kognitif seterusnya menggunakan metakognitifnya untuk memanipulasi suasana pembelajaran dengan cara menyelia, mengawal dan menyusun atur proses pembelajarannya sendiri secara aktif. Bandura (1986) mencatatkan bahawa refleksi memberi pengaruh besar terhadap keyakinan dan kepercayaan diri lalu menghasilkan tingkah laku yang dijangka lebih efektif dan efisien.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perbezaan pada pembelajaran regulasi sendiri dan dimensi-dimensinya iaitu penggunaan strategi kognitif dan pengaturan sendiri di kalangan pelajar beraliran agama berdasarkan tiga jenis sekolah yang terdapat di sebuah negeri yang Malaysia. Fokus mata pelajaran adalah Bahasa Arab yang wajib dipelajari oleh pelajar beraliran agama dan mendudukinya dalam peperiksaan awam. Kesimpulannya, objektif kajian ini adalah :

- i. Menentukan perbezaan pada pembelajaran regulasi sendiri dan dimensi-dimensinya di kalangan pelajar beraliran agama dalam mata pelajaran Bahasa Arab mengikut jenis sekolah menengah pelajar.

Metod Kajian

Dalam kajian ini, reka bentuk kuantitatif digunakan bagi menganalisis dapatan yang menjadikan angka sebagai dapatan kajian. Kaedah tinjauan bukan eksperimen dijalankan untuk proses pengumpulan data kajian kerana untuk mengetahui persepsi dan fenomena yang berlaku, satu tinjauan yang meluas diperlukan ke atas populasi yang besar dan dalam kajian ini, pelajar beraliran agama di sekolah menengah di sesebuah negeri. Lay dan Khoo (2015) berpendapat bahawa kajian secara tinjauan merupakan kajian yang sesuai untuk mengetahui pemikiran, perasaan dan tingkah laku tertentu dalam populasi yang besar.

Teknik pensampelan rawak berstrata dijalankan bagi mendapatkan responden daripada sekolah-sekolah yang mempunyai pelajar beraliran agama dan mengambil bahasa Arab secara wajib iaitu SMK, SMKA dan SMAN. Teknik ini digunakan kerana menurut Sidek (2002), peluang yang sama perlu diberikan kepada populasi yang tidak seragam jumlah namun mempunyai ciri yang sama. Jumlah populasi bagi setiap sekolah adalah berbeza dan selepas pengumpulan data, seramai 542 sampel pelajar tingkatan 4 daripada SMK, SMKA dan SMAN yang telah memberi respon terhadap soal selidik boleh dianalisis. Pemilihan pelajar tingkatan 4 berpadanan dengan pandangan Kamarul Shukri, Mohamed Amin, Nik Mohd Rahimi dan Zamri (2009) yang menyatakan bahawa tempoh empat tahun (tingkatan 1 hingga 4) memadai untuk pelajar membina dan menentukan tingkah laku dan strategi belajar yang sesuai dalam pembelajaran bahasa. Di samping itu, walaupun semasa di tingkatan 4, pelajar-pelajar di SMKA dan SMAN boleh memilih aliran seperti Sains Tulen, Perakaunan dan sebagainya, namun mereka masih diklasifikasikan sebagai pelajar beraliran agama kerana orientasi agama yang diamalkan di sekolah mereka (Muhammad Faizal et al., 2013).

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah soal selidik yang dibina oleh Pintrich dan De Groot (1990) iaitu *Motivated Strategies for Learning Questionnaire (MSLQ)* melalui *Self-Regulated Learning Strategies Scale*. Data yang diperolehi telah dianalisis dalam perisian SPSS versi 17.0 menggunakan teknik ANOVA sehalu bagi menentukan perbezaan pada pembelajaran regulasi sendiri mengikut jenis sekolah. Jika terdapat perbezaan signifikan pada kumpulan tertentu, analisis lanjutan pos-hoc menerusi *Tamhane* dan *Tukey HSD* dijalankan untuk menerangkan perbezaan tersebut. Sebelum itu, analisis kenormalan data dijalankan dengan statistik kenormalan *Kolmogorov-Smirnov* kerana saiz sampel kajian ini 542 ($n > 100$) berpandukan aras signifikan *Liliefors* ($p > .05$). Analisis menunjukkan data adalah normal kerana aras yang tidak signifikan ($p > .05$).

Dapatan Kajian

Hasil dapatan analisis ANOVA sehalu yang dijalankan telah mengandaikan perbezaan min pada pembelajaran regulasi sendiri dan dimensi-dimensinya mengikut jenis sekolah menengah. Ujian imbalan varians Levene menunjukkan aras varians bagi ketiga-tiga konstruk berada pada aras melebihi .05. Oleh yang demikian, nilai $p > .05$ telah memenuhi andaian kehomogenan varians dan analisis perbezaan boleh diteruskan. Maka dalam jadual 1 memaparkan pembelajaran regulasi sendiri dan salah satu dimensinya iaitu pengaturan sendiri didapati tidak berbeza secara signifikan, sedangkan dimensi penggunaan strategi kognitif pula didapati mempunyai perbezaan yang signifikan ($p < .05$).

Keputusan ujian menyatakan bahawa pembelajaran regulasi sendiri [$F(2, 541) = .879, p = .416$] tiada perbezaan min mengikut kumpulan jenis sekolah menengah. Ini diikuti oleh dimensi pengaturan sendiri [$F(2, 541) = .431, p = .650$] yang juga tidak mempunyai perbezaan min yang signifikan. Manakala dimensi penggunaan strategi kognitif [$F(2, 541) = 3.148, p = .044$] telah menunjukkan perbezaan min yang signifikan pada aras $p < .05$ walaupun aras signifikan yang ditunjukkan adalah kecil.

Jadual 1 Analisis ANOVA Sehala (n=542)

		<i>Jumlah Kuasadua</i>	<i>df</i>	<i>M²</i>	<i>F</i>	<i>P</i>
Pembelajaran regulasi sendiri	Antara kumpulan	393.706	2	196.853	.879	.416
	Dalam kumpulan	120743.143	539	224.013		
	Jumlah	121136.849	541			
Penggunaan strategi kognitif	Antara kumpulan	682.146	2	341.073	3.148	.044
	Dalam kumpulan	58403.738	539	108.356		
	Jumlah	59085.884	541			
Pengaturan Kendiri	Antara kumpulan	39.562	2	19.781	.431	.650
	Dalam kumpulan	24758.920	539	45.935		
	Jumlah	24798.482	541			

Oleh yang demikian, analisis lanjutan pos-hoc menerusi analisis *Tukey HSD* dan *Tamhane* perlu terangkan bagi menentukan kumpulan yang berbeza secara signifikan pada dimensi penggunaan strategi kognitif. Hasil dapatan menunjukkan perbezaan min berlaku dalam kumpulan jenis sekolah menengah SMAN dan SMK. Walaupun aras signifikan yang agak rendah namun demikian perbezaan masih diperolehi dalam salah satu dimensi pembelajaran regulasi sendiri. Akan tetapi secara keseluruhannya, tiada perbezaan min yang signifikan pada pembelajaran regulasi sendiri mengikut jenis sekolah menengah.

Perbincangan

Walaupun dapatan keseluruhan menunjukkan pembelajaran regulasi sendiri di kalangan pelajar beraliran agama tidak berbeza secara signifikan mengikut jenis sekolah pelajar, namun salah satu dimensinya iaitu konstruk strategi penggunaan kognitif didapati berbeza secara signifikan ($p < .05$) pada aras signifikan yang rendah. Dapatan ini mungkin boleh dikaitkan dengan kelengkapan dan kemudahan yang terdapat di sekolah seperti yang pernah dibincangkan oleh Ahmad Zabidi (2006) yang turut mempengaruhi tingkah laku pembelajaran pelajar. Apabila kekurangan bahan dan kelengkapan yang sesuai, guru mungkin sukar mempelbagaikan pengajarannya dan sekaligus mempengaruhi aktiviti pembelajaran pelajar yang akhirnya lebih mengharapkan guru sebagai pembimbing utama. Dimensi penggunaan strategi kognitif banyak merujuk kepada cara pelajar mengurus persekitarannya seperti kelengkapan belajar dan kemudahan yang ada di sekolah. Kelengkapan dan kemudahan seperti pusat sumber, perpustakaan, makmal bahasa dan program bahasa yang bersesuaian. Seperti yang telah dijelaskan, pelajar beraliran agama di SMK merupakan sebahagian kumpulan pelajar yang bercampur dengan pelajar aliran lain selain pelajar yang bukan beragama Islam. Manakala bagi pelajar di SMAN walaupun beraliran agama sepenuhnya namun dari segi kelengkapan untuk pembelajaran regulasi sendiri agak kurang (Ali, 2012) kerana peruntukan kerajaan negeri yang sedikit kurang berbanding persekutuan.

Di samping itu, faktor persekitaran juga mungkin memainkan peranan menyebabkan berlaku perbezaan dari segi strategi penggunaan kognitif kerana berdasarkan analisis pos hoc, pelajar beraliran agama di SMK dan SMAN mempunyai sedikit perbezaan yang unik. Abdul Hakim, Ab. Aziz dan Wan Ismail (2015) mencadangkan bahawa para pelajar perlu diberikan peluang untuk menggunakan Bahasa Arab menerusi aktiviti-aktiviti komunikasi yang disediakan kepada pelajar manakala guru mengambil pendekatan sebagai penasihat, pengurus, sumber rujukan, fasilitator dan penghubung. Namun sekiranya sekolah tidak mempunyai persekitaran kondusif dan kemudahan yang lengkap, usaha untuk pelajar

memahirkan diri dengan pengamalan pembelajaran regulasi sendiri mungkin menghadapi cabaran dan rintangan. Rosni (2015) turut mengutarakan isu pembelajaran terhadap sekolah menengah yang tidak ditadbir oleh kerajaan persekutuan seperti sekolah agama rakyat dan negeri yang sering berdepan kekurangan dari segi kemudahan belajar yang mencukupi untuk pembelajaran Bahasa Arab.

Walau bagaimana pun, pelajar beraliran agama dikenal pasti tidak berbeza tentang pengaturan sendiri yang melibatkan kemahiran belajar secara aktif dan autonomi. Ini kerana kebanyakan pelajar beraliran agama ini tinggal di asrama yang membolehkan pelajar mengurus sikap dan emosi mereka agar lebih positif dalam proses pengaturan pembelajaran (Mega, Ronconi, & De Beni, 2014; Panadero & Alonso-Tapia, 2014) untuk mencapai sasaran yang mereka ingin dalam pembelajaran Bahasa Arab. Namun demikian, sekiranya strategi kognitif seperti membaca kamus dan bahan bacaan lain, penggunaan ICT dan bahan bantu mengajar dan berbagai lagi strategi kurang diamalkan disebabkan kurang kelengkapan, dikhuatiri boleh mempengaruhi dimensi pengaturan sendiri pelajar seperti mana dimensi penggunaan strategi kognitif.

Oleh yang demikian, kajian ini mengutarakan beberapa cadangan yang boleh dijadikan panduan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti KPM, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, pihak sekolah, guru dan pelajar di sekolah-sekolah menengah yang mempunyai aliran agama dan mempelajari Bahasa Arab. Di pihak KPM dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri seharusnya menyediakan prasarana dan kemudahan yang mencukupi dari segi fasiliti, bahan bantu mengajar dan bahan bacaan untuk perpustakaan sekolah. Dapatan perbandingan menunjukkan terdapat perbezaan dari segi pembelajaran regulasi sendiri di antara SMK, SMKA dan SMAN melalui dimensi penggunaan strategi kognitif. Perbezaan ini tidak seharusnya wujud dalam bidang pendidikan kerana pelan pembangunan pendidikan seperti PIPP dan PPPM telah menggariskan peluang pendidikan yang sama rata terhadap semua pelajar. Oleh yang demikian, untuk memastikan prestasi Bahasa Arab di sekolah menengah di Sabah berada pada tahap yang memberangsangkan, maka KPM perlu bekerjasama dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri untuk membekalkan guru Bahasa Arab yang berkemahiran tinggi bukan sahaja dalam aspek pengajaran bahkan pemudahcaraan.

Kesimpulan

Zimmerman (2002) mendefinisikan pembelajaran regulasi sendiri sebagai aktiviti belajar yang merangkumi unsur metakognitif, perubahan tingkah laku dan bermotivasi untuk menentukan cara belajar yang sesuai dengan kemahiran dan pengetahuan yang sedia ada untuk mencapai sasaran yang mereka tetapkan sendiri. Dalam hal ini, keupayaan pelajar untuk menyusun, menyelia, mengawal, melaksana dan menilai sendiri pembelajarannya adalah prioriti utama pelaksanaan pembelajaran regulasi sendiri. Walau bagaimana pun, menurut teori kognitif sosial, pengurusan persekitaran juga memainkan peranan penting dalam memangkin pembelajaran regulasi sendiri apatah lagi terhadap mata pelajaran yang sukar seperti Bahasa Arab. Tambahan pula, dapatan Abdul Hakim et al. (2015) tentang pencapaian Bahasa Arab yang kurang memberangsangkan di kalangan pelajar sekolah menengah berpunca daripada kelemahan pelajar untuk mengatur dan menyusun cara belajar yang serasi dengan pengetahuan dan kemahiran yang sedia ada.

Oleh yang demikian, kajian perbandingan ini telah menunjukkan bahawa persekitaran seperti sosial, kelengkapan dan kemudahan secara umum tidak berbeza antara tiga jenis sekolah responden. Namun demikian, salah satu dimensinya iaitu penggunaan strategi kognitif telah menunjukkan perbezaan yang signifikan sekali gus membuktikan strategi belajar di kalangan pelajar beraliran agama berbeza mengikut jenis sekolah mereka. Justeru, dapatan kajian ini penting bagi mengenal pasti jurang perbezaan yang berlaku kerana pelajar yang kurang mengamalkan pembelajaran regulasi sendiri cenderung untuk mendapat prestasi akademik yang kurang memberangsangkan (Manukaram, Melissa, & Shahizah, 2014; Mega et al., 2014; Zimmerman & Schunk, 1989). Oleh yang demikian, perhatian perlu diberikan oleh pihak berkepentingan untuk memastikan pembelajaran Bahasa Arab di sekolah berjalan lancar dan dalam suasana kondusif dan berkesan. Kajian akan datang seharusnya mengenal pasti gaya belajar di kalangan pelajar beraliran agama dalam mata pelajaran Bahasa Arab di samping meluaskan sampel kepada pelajar yang bukan beraliran agama yang turut mengambil Bahasa Arab

sebagai mata pelajaran elektif. Harapan agar kajian ini dapat memberi gambaran jelas tentang perkembangan Bahasa Arab di sekolah menengah dan dapat membuka mata pihak-pihak yang menggubal dasar dalam pendidikan agar dapat menepati hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Rujukan

- Abdul Hakim, A., Ab. Aziz, S., & Wan Ismail, W. A. (2015). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 10, 104–118.
- Abdul Hakim, A., Ab. Aziz, S., Wan Ismail, W. A., & Hafisah, Z. (2014). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Motivasi Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Naim Lilbanat Kota Bharu Kelantan. *Prosiding Seminar Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2014*, 1–10.
- Ahmad Zabidi, A. R. (2006). Ciri Iklim Sekolah Berkesan: Implikasinya Terhadap Motivasi Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan*, 31, 3–19. <https://doi.org/10.1187/cbe.12-03-0033>
- Ali, M. (2012). Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab Tinggi Dari Perspektif Guru Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). In *Persidangan Kebangsaan Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab 2012 (PKEBAR'12)* (pp. 34–47). Retrieved from <http://medcontent.metapress.com/index/A65RM03P4874243N.pdf>
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Englewood Cliffs, New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Kamarul Shukri, M. T., Mohamed Amin, E., Nik Mohd Rahimi, N. Y., & Zamri, M. (2009). Language Learning Strategies and Motivation among Religious Secondary School Students. *The International Journal of Language, Society and Culture*, (29), 71–79. Retrieved from www.educ.utas.edu.au/users/tle/JOURNAL/
- Khalid, J., Zurida, I., Shuki, O., & Ahmad Tajuddin, O. (2009). Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 3–14.
- Lay, Y. F., & Khoo, C. H. (2015). *Pengenalan kepada Pendekatan Kuantitatif dalam Penyelidikan Pendidikan* (4th ed.). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Manukaram, K., Melissa, N. L. Y. A., & Shahizah, H. (2014). Pengaruh Psikologi terhadap Pembelajaran Regulasi Kendiri Murid Sekolah Rendah. *Asia Pasific Journal of Educators and Education*, 29, 39–54.
- Mega, C., Ronconi, L., & De Beni, R. (2014). What makes a good student? How emotions, self-regulated learning, and motivation contribute to academic achievement. *Journal of Educational Psychology*, 106(1), 121–131. <https://doi.org/10.1037/a0033546>
- Melissa, N. L. Y. A. (2010). *Self-Regulated Learning: Theory and Application*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Muhammad Faizal, A. G., Saedah, S., Radzuan, K., Husaina, K. B., Shahril, M., & Faisal, E. (2013). Amalan Sekolah Cemerlang Di Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama: Satu Perbandingan. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 30–50. Retrieved from http://ojie.um.edu.my/filebank/published_article/4852/Article_4_V_1_Issue_2.pdf
- Nejabati, N. (2015). The Effects of Teaching Self-regulated Learning Strategies on EFL Students' Reading Comprehension. *Journal of Language Teaching and Research*, 6(6), 1343–1348. <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.17507/jltr.0606.23>
- Panadero, E., & Alonso-Tapia, J. (2014). How do students self-regulate? Review of Zimmerman's cyclical model of self-regulated learning. *Anales De Psicología*, 30, 450–462. <https://doi.org/10.6018/analesps.30.2.167221>
- Pintrich, P. (2004). A Conceptual Framework for Assessing Motivation and Self-Regulated Learning in College Students. *Educational Psychology Review*, 16(4), 385–407. <https://doi.org/10.1007/s10648-004-0006-x>
- Pintrich, P. R., & de Groot, E. V. (1990). Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance. *Journal of Educational Psychology*, 82, 33–40. <https://doi.org/10.1037/0022-0663.82.1.33>

- Rosni, S. (2015). Pendekatan Pengajaran Kosa Kata Bahasa Arab Di Peringkat Menengah Rendah : Kajian Kepada Guru Bahasa Arab Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (Smkakl). D, 1, 1–15. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>
- Tiwari, V., Tiwari, P. S. ., & Sharma, K. (2014). Academic motivation and school performance. *Indian Journal of Health and Wellbeing*, 5(4), 437–441. Retrieved from http://www.iahrw.com/index.php/home/journal_detail/19#list
- Zamri, A., Ezad Azraai, J., Khaulah, R., Muhamad Ridzuan, A. L., & Zulazhan, A. H. (2014). Attitudes of Distance Learning Students At Ukm ' S Faculty of Islamic Studies Towards Learning. *Turkish Online Journal of Distance Education*, 15(1), 174–188. Retrieved from www.eric.ed.gov
- Zimmerman, B. J. (2002). Becoming learner: Self-regulated overview. *Theory into Practice*, 41(2), 64–70. https://doi.org/10.1207/s15430421tip4102_2
- Zimmerman, B. J., Bandura, A., & Martinez-Pons, M. (1992). Self-motivation for academic achievement: The role of self-efficacy beliefs and personal goal-setting. *American Educational Research Journal*, 29(3), 663–676.
- Zimmerman, B. J., & Schunk, D. H. (1989). *Self-Regulated Learning and Academic Achievement: Theory, Research and Practice*. New York: Springer-Verlag.